

**PENGHANTARAN KERTAS PERMOHONAN PEROLEHAN PROJEK ICT BAGI KELULUSAN TEKNIKAL JAWATANKUASA PEMANDU ICT (JPICT) KKM BAGI TAHUN 2018**

YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan,

Adalah saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Pihak Urus Setia JPICT KKM memohon kerjasama Bahagian / Institusi / Jabatan Kesihatan Negeri yang bercadang memohon kelulusan perolehan projek ICT di mesyuarat tersebut agar menghantarnya kepada Urus Setia JPICT melalui Sistem Aplikasi Profil Projek ICT (PROFIT).

3. PROFIT merupakan aplikasi yang dibangunkan oleh pihak MAMPU bertujuan untuk mendaftar dan merekod permohonan perolehan projek ICT, mengemas kini dan memantau semua projek ICT yang dibangunkan dan dilaksanakan oleh semua fasiliti KKM. Sistem ini boleh dicapai melalui alamat <http://profitv2.mampu.gov.my>.

4. Untuk tujuan permohonan kelulusan teknikal projek ICT, Bahagian / Institusi / Jabatan Kesihatan Negeri juga dipohon untuk mengemukakan permohonan ID Pengguna dan kata laluan untuk menggunakan aplikasi PROFIT melalui Urus Setia JPICT KKM.

5. Mesyuarat JPICT mengikut Takwim KKM 2018 dijadualkan seperti berikut :

<b>Mesyuarat</b>	<b>Tarikh Akhir Penghantaran Kertas Permohonan Untuk Kelulusan Mesyuarat JPICT 2018</b>	<b>Mesyuarat JPICT KKM</b>
JPICT Bil. 1/2018	2 JANUARI 2018	22 JANUARI 2018 (ISNIN)
JPICT Bil. 2/2018	10 APRIL 2018	3 MEI 2018 (KHAMIS)
JPICT Bil. 3/2018	2 JULAI 2018	2 OGOS 2018 (KHAMIS)
JPICT Bil. 4/2018	3 SEPTEMBER 2018	18 OKTOBER 2018 (KHAMIS)

6. Manakala mesyuarat JK Teknikal Projek ICT (JTI) dijadualkan seperti berikut:

Mesyuarat	Cadangan Tarikh *
JTI KKM Bil. 1/2018	8 Januari 2018
JTI KKM Bil. 2/2018	23 Februari 2018
JTI KKM Bil. 3/2018	13 Mac 2018
JTI KKM Bil. 4/2018	17 April 2018
JTI KKM Bil. 5/2018	12 Julai 2018
JTI KKM Bil. 6/2018	13 September 2018
JTI KKM Bil. 7/2018	15 November 2018

\* Tertakluk kepada perubahan. Semua kertas permohonan ke JPICT akan dibawa ke mesyuarat JTI terlebih dahulu

7. Permohonan kelulusan bagi projek ICT dibuka sepanjang tahun berdasarkan had nilai kelulusan sebagaimana digariskan dalam Surat Pekeliling Am KKM Bilangan 1 Tahun 2016. Kertas yang diterima melewati tarikh mesyuarat yang telah ditetapkan akan dibawa ke mesyuarat yang seterusnya. Sebarang kertas kerja atau pertanyaan mengenai JPICT boleh dikemukakan kepada Urus Setia JPICT KKM melalui emel [urusetiajpict@moh.gov.my](mailto:urusetiajpict@moh.gov.my) atau nombor telefon berikut : **03-88833378 / 03-88833432 / 03-88832475**.

8. Semua Bahagian / Institusi / Jabatan Kesihatan Negeri juga adalah dipohon untuk mengemaskini status pelaksanaan projek yang telah diluluskan oleh JPICT KKM melalui aplikasi PROFIT pada setiap bulan sehingga projek selesai dilaksanakan.

9. Kerjasama dan perhatian Y.Bhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

**URUS SETIA  
MESYUARAT JAWATANKUASA PEMANDU ICT (JPICT)  
BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**